

12 DEC 1996

Calon-BN

CALON BN PULAI CHONDONG DIKETAHUI 24 ATAU 25 DISEMBER INI

KOTA BAHARU, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan mengumumkan nama bakal calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Pulai Chondong, Kelantan pada 24 atau 25 Disember ini.

Pengerusi Barisan Nasional Kelantan Datuk Annuar Musa berkata BN sedang mendapatkan pandangan pelbagai pihak termasuk pemimpin bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) berhubung senarai bakal calon yang akan dikemukakan kepada Dr Mahathir.

"Selepas proses ini selesai barulah kita serahkan senarai nama yang dirasakan sesuai menjadi calon dan Presiden akan membuat keputusan muktamad," katanya kepada pemberita di sini selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin BN di pejabat Umno di sini.

Penamaan calon pilihan raya kecil itu ditetapkan pada 26 Dis dan jika ada pertandingan, pengundian berlangsung pada 6 Jan. Kerusi kawasan itu kosong apabila wakilnya, Mohd Noor Ahmad meninggal pada 4 Dis.

Menurutnya sebelum ini BN negeri telah menghantar kepada Dr Mahathir senarai awal mengenai "tokoh-tokoh yang biasa disebut" serta data peribadi mereka, yang juga mengandungi nama calon daripada bekas anggota S46.

Mengenai kriteria pemilihan calon itu, beliau berkata BN menetapkan bahawa calon itu perlulah disenangi oleh penduduk tempatan selain disenangi juga oleh Umno dan bekas S46 bagi memastikan jentera pilihan raya yang akan digerakkan mulai sekarang bersatu padu dan bekerjasama tanpa halangan.

Belau juga mengumumkan jentera pilihan raya kecil itu, yang beliau pengerusikan, disertai Anggota Parlimen kawasan Machang Datuk Shukri Muhammad sebagai timbalan pengerusi, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, yang juga Anggota Parlimen Jeli, dan Datuk Rozali Isohak, bekas Timbalan Menteri Besar II Kelantan.

Annuar berkata kawasan itu, yang mempunyai kira-kira 12,600 pengundi, memiliki 13 peti undi dan berdasarkan keputusan pilihan raya umum 1995, BN hanya memenangi dua daripada peti undi itu.

Pada pilihan raya itu calon S46, Allahyarham Mohd Noor, yang memperolehi 5,415 undi, mengalahkan calon BN Shukri Hassan dengan majoriti 1,461 undi.

Menurutnya bagi memastikan kemenangan BN pada pilihan raya itu beliau akan mengetuai gerakan kempen dari rumah ke rumah bermula 23 Dis ini.

-- BERNAMA

RAR AHH